



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PENCUKAIAN PETROLEUM HULUAN
BAHAGIAN I**

KETETAPAN UMUM NO. 7/2023

TARIKH PENERBITAN: 20 NOVEMBER 2023



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PENCUKAIAN PETROLEUM HULUAN
BAHAGIAN I**

**Ketetapan Umum No. 7/2023
Tarikh Penerbitan: 20 November 2023**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2023 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



KANDUNGAN

Muka surat

1.	Objektif	1
2.	Peruntukan Undang – Undang Berkaitan	1
3.	Tafsiran	1
4.	Pengenalan	3
5.	Skop Pengenaan Cukai	3
6.	Operasi Petroleum	4
7.	Orang yang Boleh Dikenakan Cukai	6
8.	Perkongsian Berterusan	9
9.	Perkongsian bagi Kawasan Bersempadanan	11
10.	Penafian	16

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 71B Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [APCP] memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam APCP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk memberi penjelasan dan interpretasi berhubung dengan pencukaian petroleum huluan di Malaysia dari sudut Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [APCP] dan skop pengenaan cukai.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.

2.2 Peruntukan APCP yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2 dan 3 APCP.

3. Tafsiran

Istilah yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

3.1 “*Casinghead Petroleum Spirit*” ertinya sebarang hidrokarbon cecair yang diperolehi di Malaysia daripada gas asli melalui pengasingan atau melalui sebarang proses kimia atau fizikal tetapi sebelum ia ditapis atau dirawat;

3.2 “Operasi Petroleum” ertinya -

a) mencari dan mendapat atau memperoleh petroleum dalam Malaysia oleh atau bagi mana-mana pihak untuk dirinya sendiri atau bersama dengan mana-mana orang lain melalui penggerudian, perlombongan, pengekstrakan atau operasi atau proses lain yang serupa, dalam perjalanan perniagaan yang dijalankan oleh orang tersebut yang terlibat dalam operasi tersebut dan semua operasi sampingan itu, dan apa-apa penjualan atau pelupusan oleh atau bagi pihak orang tersebut petroleum yang telah didapati atau diperolehi dan termasuk pengangkutan oleh atau bagi pihak orang tersebut petroleum yang didapati atau diperolehi tersebut dalam Malaysia ke titik jualan (point of sale) atau titik penghantaran (point of delivery) atau titik eksport (point of export) tetapi tidak termasuk—

- (i) apa-apa pengangkutan petroleum di luar Malaysia;
- (ii) apa-apa proses penapisan atau pencairan petroleum;
- (iii) apa-apa urusan berkaitan produk hasil daripada penapisan atau pencairan petroleum; atau
- (iv) perkhidmatan berkaitan bekalan dan penggunaan pelantar, *derricks*, kapal tangki dan tongkang; dan

b) apa-apa jualan atau pelupusan oleh Petroliaam Nasional Berhad dalam Malaysia ke atas petroleum yang diperolehi dari luar Malaysia termasuk

pengangkutan dalam Malaysia oleh Petroliam Nasional Berhad atau bagi pihaknya, ke mana-mana titik jualan atau penghantaran dalam Malaysia;

3.3 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu perkongsian atau badan orang yang lain dan perbadanan tunggal;

3.4 “Orang yang Boleh Dikenakan Cukai” (OBD) ertinya -

- (i) Petroliam Nasional Berhad,
- (ii) Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand,
- (iii) berkaitan dengan setiap perjanjian petroleum, mana-mana orang lain yang menjalankan operasi petroleum di bawah perjanjian petroleum tersebut,

secara berasingan;

3.5 “Perjanjian Petroleum” ertinya perjanjian untuk mengeksplorasi, mencarigali atau melombong petroleum yang dimeterai antara Petroliam Nasional Berhad atau Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand dengan mana-mana orang di mana pihak-pihak itu berkongsi apa-apa pengeluaran atau keuntungan petroleum yang diperolehi;

3.6 “Perkongsian” ertinya suatu persatuan atau perkiraan dalam apa-apa bentuk (termasuk tetapi tidak terhad kepada usaha sama, sindiket dan kes di mana pihak dalam persatuan atau perkiraan adalah suatu perkongsian) antara pihak yang bersetuju untuk berkongsi hak, kuasa, harta, tenaga kerja atau kemahiran bagi tujuan untuk menjalankan operasi petroleum dan berkongsi hasil petroleum atau keuntungan yang terbit daripada sumber petroleum itu; dan

3.7 “Petroleum” ertinya apa-apa minyak galian atau hidrokarbon yang berkaitan dan gas asli yang berada dalam keadaan aslinya dan *casinghead petroleum spirit* termasuk syil bitumen dan lapisan mendak yang lain yang daripadanya minyak boleh didapati.

Sekiranya terdapat apa-apa perbezaan dalam tafsiran terjemahan Bahasa Melayu dengan teks asal APCP tersebut, teks asal APCP hendaklah terpakai.

4. Pengenalan

- 4.1 Industri petroleum di Malaysia adalah penyumbang kepada pendapatan negara.
- 4.2 Akta Kemajuan Petroleum 1974 (PDA) telah diwartakan dan Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) diberikan seluruh pemunyaan, dan hak eksklusif, kuasa, kebebasan dan keistimewaan untuk mengeksplorasi, mengeksploit, mendapatkan dan memperoleh petroleum sama ada di pantai atau luar pantai Malaysia.
- 4.3 Peranan PETRONAS adalah termasuk kawal selia dan tadbir urus ke atas pembangunan operasi petroleum negara. Ini merangkumi penganugerahan perjanjian petroleum contohnya Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) kepada syarikat minyak dan gas antarabangsa dan tempatan bagi tujuan mengeksplorasi, mengeksploitasi, mendapatkan dan memperoleh petroleum sama ada di pantai atau luar pantai Malaysia.
- 4.4 Bagi kawasan bertindih Malaysia dan Thailand, Kerajaan Malaysia dan Thailand telah menandatangani memorandum persefahaman untuk menubuhkan pihak berkuasa bagi mengeksplorasi dan mengeksploit kawasan tersebut. Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (MTJA) telah ditubuhkan pada 1990 untuk menjalankan tanggungjawab bagi kedua-dua negara. MTJA bertanggungjawab menganugerahkan PSC di Kawasan Pembangunan Bersama (KPB).


5. Skop Pengenaan Cukai

Pengenaan cukai pendapatan bagi aktiviti petroleum huluan adalah mengikut peruntukan di bawah seksyen 3 APCP. Dalam peruntukan ini, cukai pendapatan petroleum hendaklah dikenakan bagi setiap tahun taksiran atas setiap pendapatan OBD yang terbit daripada operasi petroleum.

6. Operasi Petroleum

- 6.1 Secara umum, operasi petroleum bermula daripada OBD mendapatkan hak kepada petroleum sehingga titik jualan atau penghantaran atau eksport.
- 6.2 Titik jualan atau penghantaran atau eksport tidak diberi tafsiran di bawah APCP. Walau bagaimanapun maksud titik jualan atau penghantaran atau eksport adalah seperti yang dinyatakan dalam perjanjian petroleum atau mana mana perjanjian untuk penjualan hasil petroleum daripada perjanjian petroleum tersebut.

Diagram di bawah menunjukkan titik jualan atau penghantaran atau eksport:




Nota:

¹ Titik jualan atau penghantaran atau eksport tidak semestinya berada di titik yang sama bergantung pada perjanjian yang dimeterai.

Contoh 1

Sinaran Carigali Sdn Bhd (SCSB) mempunyai satu telaga yang mengeluarkan minyak mentah dan gas asli. Minyak mentah yang dikeluarkan akan disimpan dan dijual dari kapal penyimpanan dan pemunggahan terapung di luar pantai Terengganu dan gas asli akan di hantar ke Loji Pemprosesan Gas di Kerteh.

Diagram bagi contoh ini adalah seperti berikut:



Berdasarkan kepada contoh ini, titik jualan atau eksport bagi minyak mentah adalah di kapal penyimpanan dan pemunggahan terapung manakala titik penghantaran bagi gas asli adalah di titik penghantaran SBG Loji Pemprosesan Gas di Kerteh.

- 6.3 Penentuan titik jualan atau penghantaran atau eksport adalah penting dalam menentukan pendapatan yang terbit sama ada ianya tertakluk kepada pengenaan cukai di bawah APCP atau Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP). Pendapatan yang terbit sehingga titik jualan atau penghantaran atau eksport adalah pendapatan yang tertakluk kepada APCP dan pendapatan yang terbit selepas titik jualan atau penghantaran atau eksport adalah tertakluk kepada ACP.
- 6.4 Prinsip yang sama dalam perenggan 6.3 digunapakai dalam menentukan sama ada perbelanjaan yang dilakukan dibenarkan potongan di bawah APCP atau ACP. Oleh itu, apa-apa perbelanjaan bersama atau perbelanjaan tunggal² yang dilakukan sehingga titik jualan atau penghantaran atau eksport adalah sebahagian daripada perbelanjaan operasi petroleum dan dibenarkan potongan tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan di bawah subseksyen 15(1) dan seksyen 72A APCP. Apa-apa perbelanjaan bersama atau perbelanjaan tunggal yang dilakukan selepas titik jualan atau penghantaran atau eksport adalah tertakluk kepada ACP.

Nota:

² Perbelanjaan tunggal adalah perbelanjaan yang dilakukan oleh kontraktor dan tidak dikongsi dengan kontraktor lain dalam suatu perkongsian.

7. Orang yang Boleh Dikenakan Cukai

- 7.1 Merujuk kepada perenggan 3.4, perkataan “secara berasingan” dalam tafsiran tersebut bermaksud setiap OBD di subperenggan (i), (ii) dan (iii) hendaklah dikenakan cukai pendapatan petroleum secara berasingan.
- 7.2 Berkaitan dengan setiap perjanjian petroleum, OBD boleh terdiri daripada satu kontraktor atau secara perkongsian. Perkongsian (merujuk kepada maksud perkongsian pada perenggan 3.6) adalah usaha sama di antara dua atau lebih kontraktor.

Contoh 2

SCSB adalah satu kontraktor yang menjalankan aktiviti mengeksplorasi dan mengeksploitasi sumber petroleum negara.

Pada 1.1.2020 SCSB telah memeterai perjanjian petroleum dengan PETRONAS bagi menjalankan operasi petroleum dalam kawasan perjanjian Blok PM 1 di luar pantai Semenanjung Malaysia. Tempoh perakaunan SCSB ditutup pada 31 Disember setiap tahun.

Terdapat dua OBD yang tertakluk kepada APCP seperti berikut:

- (i) PETRONAS; dan
- (ii) SCSB - Blok PM 1 PSC

Contoh 3

SCSB dan Bintang Carigali Sdn Bhd (BCSB) adalah kontraktor yang menjalankan aktiviti mengeksplorasi dan mengeksploitasi sumber petroleum negara secara perkongsian.

Pada 1.1.2015 SCSB dan BCSB telah memeterai perjanjian petroleum dengan PETRONAS bagi menjalankan operasi petroleum dalam kawasan perjanjian Blok PM 2 di luar pantai Semenanjung Malaysia dan dinamakan sebagai SCSB/BCSB -Blok PM 2 PSC. Tempoh perakaunan SCSB dan BCSB ditutup pada 31 Disember setiap tahun.

Terdapat dua OBD yang tertakluk kepada APCP seperti berikut:

- (i) PETRONAS; dan
- (ii) SCSB/BCSB - Blok PM 2 PSC

- 7.3 Di bawah peruntukan subseksyen 2(2) APCP, selain PETRONAS atau MTJA, di mana satu kontraktor atau perkongsian yang sama memeterai lebih daripada satu perjanjian petroleum, maka setiap perjanjian petroleum adalah OBD yang berasingan. Konsep ini dinamakan *ring-fencing*.

Contoh 4

Fakta sama seperti Contoh 2

SCSB telah memeterai perjanjian petroleum yang baharu dengan PETRONAS bagi kawasan Blok PM 3 di luar pantai Semenanjung Malaysia pada 15.03.2021.

Terdapat tiga OBD yang tertakluk kepada APCP seperti berikut:

- (i) PETRONAS;
- (ii) SCSB - Blok PM 1 PSC; dan
- (iii) SCSB - Blok PM 3 PSC

Berdasarkan kepada contoh ini, SCSB telah memeterai perjanjian untuk menjalankan operasi petroleum di bawah dua perjanjian petroleum. Maka, SCSB - Blok PM 1 PSC dan SCSB - Blok PM 3 PSC adalah merupakan OBD yang berasingan berdasarkan kepada konsep *ring-fencing*.

Contoh 5

Fakta sama seperti Contoh 3

SCSB dan BCSB adalah satu perkongsian yang telah memeterai perjanjian petroleum yang baharu dengan PETRONAS bagi kawasan Blok PM 4 di luar pantai Semenanjung Malaysia pada 30.04.2022.

Terdapat tiga OBD yang tertakluk kepada APCP seperti berikut:

- (i) PETRONAS;
- (ii) SCSB/BCSB - Blok PM 2 PSC; dan
- (iii) SCSB/BCSB - Blok PM 4 PSC

Berdasarkan kepada contoh ini, perkongsian yang sama telah memeterai perjanjian untuk menjalankan operasi petroleum di bawah dua perjanjian petroleum. SCSB/BCSB - Blok PM 2 PSC dan SCSB/BCSB - Blok PM 4 PSC adalah merupakan OBD yang berasingan berdasarkan kepada konsep *ring-fencing*.

- 7.4 Perbelanjaan yang dilakukan oleh satu kontraktor dalam satu perkongsian, maka perbelanjaan tersebut dianggap dilakukan oleh satu OBD dengan syarat perbelanjaan tersebut memenuhi peruntukan di bawah subseksyen 15(1) APCP.

Contoh 6

Fakta sama seperti Contoh 3

SCSB telah membuat pinjaman dengan sebuah bank di Malaysia. Pinjaman tersebut digunakan sepenuhnya untuk menjalankan operasi petroleum. SCSB telah membayar faedah kepada bank bagi pinjaman yang telah dibuat.

Walaupun perbelanjaan faedah hanya ditanggung sepenuhnya oleh SCSB, perbelanjaan faedah tersebut dibenarkan sebagai potongan kerana perbelanjaan tersebut digunakan sepenuhnya untuk menjalankan operasi petroleum dan memenuhi peruntukan di bawah subseksyen 15(1) APCP.

8. Perkongsian Berterusan

8.1 Secara umumnya, kebanyakan operasi petroleum di Malaysia dijalankan secara perkongsian mengikut tempoh operasi yang ditetapkan dalam perjanjian petroleum. Walau bagaimanapun, kontraktor dalam perjanjian petroleum mungkin akan berubah sepanjang tempoh perjanjian petroleum tersebut dengan persetujuan PETRONAS.

8.2 Perubahan kontraktor dalam perkongsian boleh berlaku disebabkan oleh aktiviti seperti yang berikut:

- a) *farm-out* iaitu tindakan menjual atau memindahkan sebahagian atau keseluruhan hak atau kepentingan kontraktor dalam perjanjian petroleum kepada kontraktor lain; atau
- b) *farm-in* iaitu tindakan membeli atau memperoleh sebahagian atau keseluruhan hak atau kepentingan kontraktor dalam perjanjian petroleum daripada kontraktor lain.

Keadaan ini boleh berlaku berulang kali sepanjang tempoh perjanjian petroleum.

8.3 Merujuk kepada subseksyen 2(3) APCP, di mana terdapat perubahan kontraktor dalam satu perkongsian pada bila-bila masa dalam tempoh perjanjian petroleum dan sekurang-kurangnya satu kontraktor asal daripada perkongsian yang memeterai perjanjian petroleum itu masih kekal sebagai ahli dalam perkongsian tersebut, maka kedua-dua perkongsian ini, iaitu perkongsian yang diganti dan perkongsian yang menggantikan, hendaklah disifatkan sebagai satu perkongsian yang berterusan.

8.4 Tertakluk kepada perenggan 8.3, aktiviti *farm-out* dan *farm-in* tidak menjejaskan OBD asal.

Contoh 7

Fakta sama seperti Contoh 3

Jadual menunjukkan peratusan kepentingan dalam perjanjian petroleum adalah seperti berikut:

Kontraktor	Peratus Kepentingan
SCSB	50%
BCSB	50%

Pada 1.1.2020, BCSB tidak lagi berminat untuk meneruskan operasinya mengikut perjanjian ini dan melupuskan hak sepenuhnya kepada Nikki Exploration Co. Ltd. (NECL). Oleh itu, peratus kepentingan dalam perjanjian petroleum mulai 1.1.2020 adalah seperti berikut:

Kontraktor	Peratus Kepentingan
SCSB	50%
NECL	50%

Pada 1.1.2022, NECL melupuskan separuh haknya kepada Bunga Raya Sdn. Bhd. (BRSB). Oleh itu, peratus kepentingan dalam perjanjian petroleum mulai 1.1.2022 adalah seperti berikut:

Kontraktor	Peratus Kepentingan
SCSB	50%
NECL	25%
BRSB	25%

Berdasarkan contoh di atas, perkongsian masih berterusan walaupun BCSB telah keluar daripada perjanjian petroleum dan NECL dan BRSB menjadi rakan kongsi baharu bersama SCSB dalam perjanjian petroleum tersebut. Perkongsian ini masih dianggap sebagai satu perkongsian yang berterusan kerana SCSB yang merupakan kontraktor asal masih kekal dalam perjanjian petroleum tersebut dan aktiviti *farm-out* dan *farm-in* berlaku dalam tempoh perjanjian petroleum.

Sekiranya SCSB *farm-out* keseluruhan kepentingan dalam perjanjian petroleum ini, maka perkongsian asal dianggap tamat dan perkongsian baharu akan wujud. Dalam situasi lain, sekiranya NECL dan BRCB *farm-out* keseluruhan kepentingan dalam perjanjian petroleum ini dan SCSB menjadi kontraktor tunggal dalam perjanjian petroleum ini, maka perkongsian ini bukan lagi sebagai perkongsian berterusan. Peruntukan di bawah subseksyen 2(3) APCP tidak terpakai bagi kontraktor tunggal.

9. Perkongsian bagi Kawasan Bersempadanan

- 9.1 Merujuk kepada subperenggan 2(4)(a)(i) APCP, sebuah perkongsian yang menjalankan operasi petroleum di bawah dua atau lebih perjanjian petroleum dan kawasan di bawah perjanjian tersebut adalah bersempadanan, maka operasi petroleum di kawasan tersebut disifatkan sebagai dijalankan di bawah satu perjanjian petroleum.
- 9.2 Kawasan perjanjian yang mempunyai sempadan yang sama atau bersentuhan pada mana-mana bahagian blok dipanggil sebagai kawasan bersempadanan. Kawasan masih dianggap bersempadanan walaupun hanya bersentuhan pada satu titik.
- 9.3 Kawasan bersempadanan ditentukan berdasarkan kepada koordinat blok yang dinyatakan dalam perjanjian petroleum. Blok yang mempunyai koordinat yang sama adalah bersempadanan.
- 9.4 OBD yang memenuhi subperenggan 2(4)(a)(i) APCP hendaklah memohon kelulusan daripada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN).

Contoh 8

SCSB dan BCSB telah memeterai perjanjian petroleum dengan PETRONAS pada 15.6.2010 bagi menjalankan operasi petroleum secara perkongsian di kawasan Blok SK B di luar pantai Sarawak untuk tempoh operasi selama 30 tahun.

Pada 1.1.2015, SCSB dan BCSB telah memeterai dua perjanjian petroleum baharu bagi Blok SK C dan Blok SK D. Secara ringkasnya, perjanjian petroleum yang dimeterai oleh perkongsian SCSB dan BCSB adalah seperti berikut:


- (i) SCSB/BCSB – Blok SK B PSC
- (ii) SCSB/BCSB – Blok SK C PSC
- (iii) SCSB/BCSB – Blok SK D PSC

Maklumat koordinat adalah seperti berikut:

Blok	<i>Longitude</i>	<i>Latitude</i>
Blok SK B	4' 35'30.000" N	117'0' 0.000" E
Blok SK C	5' 45'30.000" N	117'0' 0.000" E
Blok SK D	5' 45'30.000" N	116' 0' 0.000" E

Didapati Blok SK C dan Blok SK D adalah bersempadanan kerana mempunyai sempadan yang sama berdasarkan kepada *longitude*. Blok SK B dan Blok SK C adalah bersempadanan kerana mempunyai sempadan yang sama atau bersentuhan berdasarkan kepada *latitude*.

Oleh itu, Blok SK B, Blok SK C dan Blok SK D disifatkan sebagai menjalankan operasi petroleum di bawah satu perjanjian petroleum walaupun ketiga-tiga perjanjian dimeterai secara berasingan. Di dalam contoh ini, OBD adalah SCSB/BCSB - Blok SK B, SK C dan SK D PSC.




Kawasan perjanjian bagi perkongsian SCSB dan BCSB

- 9.5 Peruntukan subperenggan 2(4)(a)(i) APCP tidak terpakai bagi perjanjian petroleum yang dimeterai oleh satu kontraktor sahaja kerana ianya bukan satu perkongsian.

Contoh 9

SCSB telah memeterai dua perjanjian petroleum bersama PETRONAS bagi Blok SB A dan Blok SB B di luar pantai Sabah pada 21.2.2021 dan 1.6.2022 dalam kawasan bersempadanan.




Kedua-dua perjanjian petroleum ini tidak boleh dianggap sebagai dijalankan di bawah satu perjanjian petroleum kerana tidak memenuhi peruntukan di bawah subperenggan 2(4)(a)(i) APCP.

- 9.6 Dalam keadaan berlakunya *farm-out* atau *farm-in* bagi perkongsian yang menjalankan operasi petroleum dalam kawasan bersempadanan dan perkongsian tersebut memenuhi subseksyen 2(3) APCP, maka operasi petroleum di kawasan tersebut masih disifatkan sebagai dijalankan di bawah satu perjanjian petroleum.

Contoh 10

Fakta sama seperti contoh 8.

Pada 1.1.2020 BCSB tidak lagi berminat untuk meneruskan operasi dan melupuskan haknya atau kepentingan dalam ketiga-tiga blok operasi kepada NECL. Perkongsian masih menjalankan operasi petroleum seperti biasa.



Merujuk kepada contoh di atas, perkongsian SCSB/NECL – Blok SK B, Blok SK C dan Blok SK D PSC disifatkan sebagai berterusan daripada perkongsian SCSB/BCSB – Blok SK B, SK C dan SK D PSC berdasarkan kepada subseksyen 2(3) APCP walaupun berlaku *farm-out* dan *farm-in* dalam ketiga-tiga blok operasi kerana SCSB yang merupakan kontraktor asal masih kekal dalam perkongsian tersebut dan aktiviti *farm-out* dan *farm-in* berlaku dalam tempoh perjanjian petroleum.

Ketiga-tiga blok tersebut masih terletak dalam kawasan sempadan yang sama. Berdasarkan kepada subperenggan 2(4)(a)(i) APCP, perkongsian yang menjalankan operasi petroleum di bawah dua atau lebih perjanjian petroleum di mana kawasan tersebut di bawah perjanjian petroleum adalah bersempadanan, operasi petroleum tersebut disifatkan sebagai dijalankan di bawah satu perjanjian petroleum.

Oleh itu, ketiga-tiga perjanjian petroleum yang dimeterai oleh SCSB dan BCSB masih disifatkan sebagai dijalankan di bawah satu perjanjian petroleum walaupun berlaku *farm-out* dan *farm-in* dalam ketiga-tiga blok.


Sekiranya SCSB dan BCSB memeterai satu perjanjian petroleum yang baharu, Blok SK E yang bersempadanan dengan SCSB/NECL – Blok SK B, SK C dan SK D PSC, maka Blok SK E layak memohon untuk bersempadanan kerana memenuhi peruntukan subperenggan 2(4)(a)(i) APCP. Ini adalah kerana kontraktor yang memeterai perjanjian petroleum asal adalah sama walaupun telah berlaku perubahan dalam perkongsian sedia ada. Dalam situasi lain, sekiranya SCSB dan NECL memeterai perjanjian petroleum Blok SK E PSC, maka Blok SK E tidak layak memohon untuk bersempadanan.

- 9.7 Dalam keadaan di mana berlaku penyerahan mana-mana kawasan bersempadanan dalam perjanjian petroleum kepada PETRONAS atau MTJA bagi sebuah perkongsian yang menjalankan operasi petroleum dalam kawasan bersempadanan, maka operasi petroleum di kawasan bersempadanan tersebut masih dianggap sebagai bersempadanan dan dijalankan di bawah satu perjanjian petroleum menurut subperenggan 2(4)(a)(ii) APCP.
- 9.8 Merujuk kepada subperenggan 2(4)(a)(ii) APCP, kawasan perjanjian yang bersempadanan dengan blok lain hendaklah dianggap sebagai bersempadanan walaupun sebahagian daripada kawasan perjanjian telah diserahkan hak kepada PETRONAS atau MTJA.

Contoh 11

Fakta sama seperti Contoh 10.

Pada 30.04.2022, Blok SK C PSC telah diserahkan hak kepada PETRONAS.



Blok SK B PSC dan Blok SK D PSC masih dianggap bersempadanan walaupun Blok SK C PSC telah diserahkan sebahagian atau sepenuhnya kepada PETRONAS berdasarkan kepada subperenggan 2(4)(a)(ii) APCP. Oleh itu, Blok SK B PSC dan Blok SK D PSC masih dianggap menjalankan operasi petroleum di bawah satu perjanjian petroleum.

10. Penafian

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**